

LAMBANG PERSEKUTUAN



JABATAN PERDANA MENTERI, MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon: 603-88881957

Fax : 603-88883903

Ruj. Kami : PM(S)10426 Jld.10(35)

Tarikh : 7 April 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2005

PEMAKAIAN LAMBANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pemakaian Lambang Kerajaan Persekutuan.

LATARBELAKANG

2. Seksyen 3(1)(a), Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi sesiapa yang menggunakan apa-apa nama ternyata atau lambang ternyata atau apa-apa tiruan serupa mengenainya, bagi maksud apa-apa perdagangan, perniagaan, pekerjaan atau profesion kecuali bagi mereka yang mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri. Y.A.B. Perdana Menteri telah mewakili kuasa-kuasanya di bawah Seksyen (3)1 Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.

PEMAKAIAN


3. Lambang Kerajaan Persekutuan adalah hak Kerajaan Persekutuan. Kegunaannya adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan dan penggunaannya dihadkan kepada Kementerian, Jabatan dan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan apabila bertindak di atas urusan rasmi masing-masing. Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan atau Pertubuhan-pertubuhan Kebangsaan tidak boleh menggunakan Lambang Kerajaan Persekutuan.

4. Pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang berhasrat untuk menggunakan Lambang Kerajaan Persekutuan atas urusan tidak rasmi seperti Lambang Kerajaan Persekutuan pada kad-kad Hari Raya atau kad-kad jemputan hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri. Kos penggunaan tersebut hendaklah ditanggung oleh pegawai itu sendiri.

PEMBATALAN


5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Am Bilangan 10 Tahun 1990 yang berkuatkuasa pada 31 Disember 1990 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Setiausaha Negara



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 35
No. 3

7hb Februari 1991

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 95.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 1991**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan Undang-Undang Kecil berikut:

Akta 171.

1. Undang-Undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 1991 dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Nama dan
pernyataan.

2. Undang-Undang kecil 7 Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan) 1979, yang disebut "Undang-Undang kecil ibu" dalam undang-undang kecil ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "bersih" yang terdapat dalam perenggan (1) perkataan-perkataan "dan hendaklah memakai apron dan penutup kepala yang bersih semasa menjual dan menyediakan makanan".

Pindaan
undang-undang
kecil 7.
P.U. (A)
127179.

Secretary General.
Ministry of Defence or his representative
Representative of the International Shipowner's Association
Representative of the Malaysian International Shipping
Corporation Berhad
Deputy Director of Marine West Malaysia or his representative

Dated the 10th January 1991.
[KP/382; PN. (PU²) 430.]

DATO' SERI DR LING LIONG SIK.
Minister of Transport

P.U. (B) 99.

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

Akta 358.

Akta 414.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956, Perdana Menteri mewakili, mulai dari 31hb Disember 1990, kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri oleh subseksyen 3 (1) Akta Lambang dan Nama (Pencegahan Penggunaan Tak Wajar) 1963 untuk memberi persetujuan bertulis berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam subseksyen tersebut.

Bertarikh pada 29hb November 1990.
[PM. 10426 Jld. 8; PN. (G) 23.]

DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD.
Perdana Menteri

DELEGATION OF POWERS ACT 1956

Act 358

Act 414

IN exercise of the powers conferred by section 5 of the Delegation of Powers Act 1956, the Prime Minister delegates, with effect from the 31st December 1990, to the Senior Deputy Secretary General the powers conferred on the Minister by subsection 3 (1) of the Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Act 1963 to give written permission in respect of the matters specified in the said subsection.

Dated the 29th November 1990.
[PM. 10426 Jld. 8; PN. (G) 23.]

DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD.
Prime Minister

P.U. (B) 100.

AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN
DAN PERCERAIAN) 1976

PERLANTIKAN PENDAFTAR PERKAHWINAN

Akta 164.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (4) seksyen 28 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 34
No. 23


8hb November 1990

TAMBAHAN No. 42
AKTA

Naskah bahasa kebangsaan bagi undang-undang
semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan
untuk makluman umum:

The national language text of the following revised
law is hereby published for general information:

No.	Tajuk ringkas
Akta 414 ...	Akta Lambang Dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 414

**AKTA LAMBANG DAN
NAMA (MENCEGAH
PENGUNAAN TAK
WAJAR) 1963**

(Disemak—1989)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Emblems And Names (Prevention of Improper Use) Act 1963*. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

Disemak sehingga 1hb Disember 1989

Tarikh versi semakan ini
disiarkan dalam *Warta* 21hb Disember 1989

Tarikh yang ditetapkan untuk
mula berkuatkuasanya versi
semakan ini *menurut seksyen*
6 (1) (xxiii) Akta Penye-
makan Undang-Undang 1968
(Akta 1) 28hb Disember 1989

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 414

AKTA LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGUNAAN TAK WAJAR) 1963

(Disemak—1989)

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Larangan mengguna lambang, nama dan rupa gambar dengan tak wajar.
4. Larangan mendaftar syarikat-syarikat tertentu, dll.
5. Penalti.
6. Sanksi bagi pendakwaan.
7. Kuasa meminda Jadual.

JADUAL.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 414

AKTA LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGUNAAN TAK WAJAR) 1963

(Disemak—1989)

Suatu Akta bagi mencegah penggunaan tak wajar lambang dan nama tertentu untuk maksud-maksud profesional dan perniagaan.

[1hb September 1963.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lambang Dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963. Tajuk ringkas.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“**lambang ternyata**” ertinya apa-apa lambang, mohor atau meterai, bendera, gada-gada, lambang kebesaran, tanda kumpulan, panji-panji atau jata yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual;

“**nama ternyata**” ertinya apa-apa nama yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual dan termasuklah apa-apa singkatan bagi mana-mana nama tersebut;

“**pihak berkuasa kompeten**” ertinya mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa untuk mendaftarkan mana-mana syarikat, firma atau lain-lain kumpulan orang, atau apa-apa cap dagangan atau rekabentuk, atau untuk memberikan sesuatu paten.

Larangan
mengguna-
lambang,
nama dan
rupaan
gambar
dengan tak
wajar.

3. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa, tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis Menteri—

- (a) mengguna apa-apa nama ternyata atau lambang ternyata atau apa-apa tiruan serupa mengenainya, bagi maksud apa-apa perdagangan, perniagaan, pekerjaan atau profesion;
- (b) mengguna bagi maksud-maksud, atau memperagakan sebagai suatu iklan bagi, apa-apa perniagaan, perdagangan, pekerjaan atau profesion, atau menjual, apa-apa fotograf, lukisan atau lain-lain rupa gambar Yang di-Pertuan Agong atau Raja Permaisuri Agong;
- (c) mengguna atau terus mengguna apa-apa nama ternyata atau lambang ternyata, atau apa-apa tiruan serupa mengenainya, dalam tajuk apa-apa paten, atau dalam apa-apa cap dagangan atau rekabentuk; atau
- (d) membuat bagi maksud-maksud jualan atau menjual atau ada dalam miliknya untuk dijual, apa-apa lambang ternyata.

(2) Subseksyen (1) (b) yang berhubungan dengan penggunaan apa-apa fotograf, lukisan atau lain-lain rupa gambar yang tersebut dahulu tidaklah terpakai bagi penyiaran berita (sama ada dalam akhbar atau melalui apa-apa media lain) atau bagi penyiaran apa-apa makalah dalam akhbar.

(3) Apa-apa kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (1) boleh tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri sebagaimana yang difikirkannya patut.

LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH
PENGUNAAN TAK WAJAR)

7

4. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa, tiada pihak berkuasa kompeten boleh—

Larangan mendaftar syarikat-syarikat tertentu. dll.

- (a) mendaftarkan mana-mana syarikat, firma atau lain-lain kumpulan orang di bawah apa-apa nama;
- (b) mendaftarkan suatu cap dagangan atau rekabentuk yang mempunyai apa-apa lambang, nama, fotograf, lukisan atau lain-lain rupa gambar; atau
- (c) memberi paten berkenaan dengan suatu ciptaan yang mempunyai tajuk yang mengandungi apa-apa lambang atau nama,

jika penggunaan nama, lambang, fotograf, lukisan atau rupa gambar tersebut adalah melanggar dengan seksyen 3.

5. Mana-mana orang yang melanggar seksyen 3 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Penalti.

6. Tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan terlebih dahulu mendapat sanksi bertulis Pendakwa Raya.

Sanksi bagi pendakwaan.

7. Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menambah kepada atau meminda Jadual.

Kuasa meminda Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2 dan 7)

BAHAGIAN I—LAMBANG

1. Jogan, jata dan mohor rasmi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.
2. Mohor Besar Persekutuan.
3. Jata Persekutuan.

[Jadual]

8

AKTA 414

4. Lambang atau meterai rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
5. Darjah Kebesaran, Lambang Kebesaran, Pingat, Lencana dan Bintang Kehormatan yang ditetapkan oleh statut Yang di-Pertuan Agong.
6. Lambang Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa yang juga dikenali sebagai "Interpol" atau "ICPO-Interpol".

BAHAGIAN II—NAMA

1. Nama Yang di-Pertuan Agong.
2. Nama Raja Permaisuri Agong.
3. Nama Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa yang juga dikenali sebagai "Interpol" atau "ICPO-Interpol".

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 414

**AKTA LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH
PENGUNAAN TAK WAJAR) 1963**

(Disemak—1989)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-8-1975
P.U. (B) 74/82	Pemberitahuan di bawah seksyen 7 Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963	19-2-1982

**SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA
YANG DIGANTI**

No.	Tajuk
19 tahun 1963	Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 39
No. 22

2hb November 1995

TAMBAHAN No. 64
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 496.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA
STATUT LXXI (SIRI BAHARU)

STATUT UNIVERSITI MALAYA (RUMAH KEDIAMAN UNIVERSITI)
(PINDAAN) 1995

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat statut yang berikut: P.U. (A)
104/72.

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Rumah Kediaman Universiti) (Pindaan) 1995. Nama.

2. Statut XXIX (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Rumah Kediaman Universiti) 1981, yang disebut "Statut ibu" dalam Statut ini, adalah dipinda dalam perenggan 13 dengan menggantikan sub-subperenggan (1)(h) dengan sub-subperenggan yang berikut: Pindaan
perenggan 13.
P.U. (A) 26/81.

"(h) hendaklah menyenggarakan Rumah Kediaman, kelengkapan dan lekapannya, perabot di dalamnya, dan halaman supaya berkeadaan baik, bersih, kemas dan cuci;"

COMPANIES ACT 1965

NOTICE OF EXEMPTION UNDER SUBSECTION 96(1)

IN exercise of the powers conferred by subsection 96(1) of the Companies Act 1965, the Minister exempts Pengurusan Kumipa Berhad from having to comply with the provision of paragraph 88(1)(d) of the Act in relation to the interests which relate to a trust deed in respect of the Kumpulan Modal Bumiputra Pahang. Act 125.

Dated 6 October 1995.

[T-187904-M; PN. (PU²) 4/V.]

DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR,
*Minister of Domestic Trade and
Consumer Affairs*

P.U. (B) 501.

AKTA LAMBANG DAN NAMA
(MENCEGAH PENGGUNAAN TAK WAJAR) 1963

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963, Yang di-Pertuan Agong menambah di tempat yang sesuai berkenaan dengan Jadual kepada Akta yang berikut: Akta 414.

(a) dalam Bahagian I—

“7. Lambang Bank Negara Malaysia.”; dan

(b) dalam Bahagian II—

“4. Nama Bank Negara Malaysia.”

Bertarikh 9 Oktober 1995.

[KHEDN: PM 10469/2 Jld. 5; PN. (PU²) 367.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARI BIN ABDUL HAMID,
Setiausaha Jemaah Menteri

EMBLEMS AND NAMES
(PREVENTION OF IMPROPER USE) ACT 1963

NOTIFICATION UNDER SECTION 7

Act 414.

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Act 1963, the Yang di-Pertuan Agong adds appropriately in respect of the Schedule to the Act the following:

(a) in Part I—

“7. The emblem of the Central Bank of Malaysia.”;
and

(b) in Part II—

“4. The name of the Central Bank of Malaysia.”.

Dated 9 October 1995.

[KHEDN: PM 10469/2 Jld. 5; PN. (PU²) 367.]

By Command,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,
Secretary to the Cabinet.

P.U. (B) 502.

AKTA BANK NEGARA MALAYSIA 1958

PERLANTIKAN DAN PENAMATAN PERLANTIKAN
TIMBALAN GABENOR BANK NEGARA

Akta 519.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9 (1) Akta Bank Negara Malaysia 1958, Menteri telah melantik Encik Khong Kim Nyoon sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia bagi tempoh tiga tahun mulai dari 26 Julai 1994.

Penamatan.
P.U. (B) 423/91.

2. Perlantikan Tan Sri Dato' Dr. Lin See Yan sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia adalah ditamatkan mulai dari 26 Julai 1994. [TRY. O.6132 Pt. 1 Vol. 4; PN. (PU²) 262.]

CENTRAL BANK OF MALAYSIA ACT 1958

APPOINTMENT AND TERMINATION OF APPOINTMENT
OF DEPUTY GOVERNOR OF THE CENTRAL BANK

Act 519.

IN exercise of the powers conferred by subsection 9 (1) of the Central Bank of Malaysia Act 1958, the Minister has appointed Mr. Khong Kim Nyoon as Deputy Governor of the Central Bank of Malaysia for a period of three years with effect from 26 July 1994.

P.U. (B) 360.

AKTA LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGGUNAAN
TAK WAJAR) 1963

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 [Akta 414], Yang di-Pertuan Agong membuat penambahan kepada Jadual kepada Akta seperti yang berikut:

(a) dalam Bahagian I—

“8. Bendera Malaysia—Jalur Gemilang.

9. Lambang Kementerian, Jabatan atau Agensi Persekutuan.”.



(b) dalam Bahagian II—

“5. Nama Bendera Malaysia—Jalur Gemilang.”

Bertarikh 16 Oktober 2012
[PM(S)10426 Jld. 12; PN(PU²)367]

Dengan Titah Perintah

DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
Setiausaha Jemaah Menteri

EMBLEMS AND NAMES (PREVENTION OF IMPROPER USE)
ACT 1963

NOTIFICATION UNDER SECTION 7

In exercise of the powers conferred by section 7 of the Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Act 1963 [Act 414], the Yang di-Pertuan Agong makes an addition to the Schedule to the Act as follows:

(a) in Part I—

“8. The Malaysian Flag—Jalur Gemilang.

9. The emblem of the Ministries, Department or Federal Government Agencies.”

(b) In Part II—

“5. The name of the Malaysian Flag—Jalur Gemilang”.

Dated 16 October 2012
[PM(S)10426 Jld. 12; PN(PU²)367]

By Command

DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
Secretary to the Cabinet

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA